

MAHATHIR - JAMUAN 2 2 2

I

SEOUL, 13 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MENGGESA PARA PENGILANG-PENGILANG KOREA SELATAN MENGGUNAKAN MALAYSIA, YANG MENIKMATI HUBUNGAN BAIK DENGAN BANYAK NEGARA ASING, SEBAGAI PANGKALAN UNTUK MENEMBUSI PASARAN DUNIA.

PERDANA MENTERI BERKATA MALAYSIA BOLEH MENJADI PINTU MASUK BAGI PARA PELABUR KOREA, BUKAN SAHAJA KE NEGARA-NEGARA ASEAN DAN PINGGIR PASIFIK TETAPI KE HAMPİR SEMUA BAHAGIAN DI DUNIA.

KETIKA BERUCAP PADA JAMUAN MALAM ANJURAN MASYARAKAT PERNIAGAAN KOREA SELATAN DI SINI UNTUK MERAIKAN BELIAU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SELAIN MALAYSIA MENJADI ANGGOTA KOMANWEL, IA MEMPUYAI HUBUNGAN BAIK DENGAN NEGARA-NEGARA ISLAM, NEGARA-NEGARA BERKECUALI DAN KUMPULAN 77.

+MALAYSIA BOLEH MEMBUKA PELUANG-PELUANG PERDAGANGAN BAGI ANDA DENGAN MENYEDIAKAN HUBUNGAN BAIK DENGAN NEGARA-NEGARA BERKENAAN,+ KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEKTOR PEMBUATAN DI MALAYSIA TELAH MENJADI ASAS PELABURAN MENARIK BAGI PARA PELABUR DAN ANTARA FAKTORNYA IALAH PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA YANG KUKUH, KESTABILAN, KEADAAN PELABURAN YANG SESUAI, TERDAPATNYA SUMBER-SUMBER ASLI, INFRASTRUKTUR YANG BAIK DAN BEKALAN TENAGA BURUH BERPELAJARAN YANG RAMAI. -- LAGI

2107MST 13 09 90

D841

U B733 AAB

MAHATHIR - JAMUAN 2 SEOUL 2 2 2

BELIAU BERKATA YANG LEBIH PENTING LAGI, KERAJAAN BERSUNGGUH-SUNGGUH UNTUK MEMELIHARA KEADAAN YANG SEMAKIN BAIK ITU BAGI PERTUMBUHAN DAN PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DI MALAYSIA.

TERDAPAT BEBERAPA RUANG PERNIAGAAN UNTUK DIMAJUKAN OLEH SYARIKAT-SYARIKAT KOREA DI RANTAU INI, KATANYA, SAMBIL MENYEBUT BAHAWA PADA HAKIKATNYA, TIDAK SEMUA NEGARA ASEAN MEMPUYAI TAHAP PERINDUSTRIAN YANG SAMA UNTUK MEMBUKA PELUANG-PELUANG BAGI PELABURAN, SECARA DUA HALA ATAU SERANTAU.

+BARANG-BARANG YANG BERASASKAN PENGGUNAAN SUMBER-SUMBER ASLI, YANG MEMPUYAI TAMBAHAN NILAI DAN TAHAP INPUT TEKNOLOGI LEBIH TINGGI, MERUPAKAN RUANG YANG SEDANG DILIHAT OLEH ASEAN SECARA KESELURUHANNYA,+ KATA BELIAU.

PERDANA MENTERI BERKATA USAHA MEMPROSES BAHAN MENTAH DI DALAM ASEAN SENDIRI AKAN MENGURANGKAN PENGENDALIAN SECARA BERULANG DAN MEMPERCEPATKAN PENGHANTARAN.

SALAH SATU FAKTOR UTAMA YANG MENARIK PELABUR LUAR KE MALAYSIA IALAH KEMUDAHAN UNTUK MEMASUKI PASARAN DUNIA MELALUI RANGKAIAN KEMUDAHAN UDARA DAN LAUT YANG BERKESAN, SISTEM TELEKOMUNIKASI YANG SOFISTIKATED, SERTA KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR YANG LAIN, KATANYA. -- LAGI

MAHATHIR - JAMUAN 3 SEOUL 9 9 9

+KEUPAYAAN MALAYSIA UNTUK SAMPAI KE PELBAGAI PELUSUK DUNIA IALAH KERANA MALAYSIA BUKAN MERUPAKAN PENDATANG BARU DALAM BIDANG PERNIAGAAN ANTARABANGSA. OLEH KERANA BILANGAN PENDUDUK KAMI YANG KECIL, MALAYSIA TERPAKSA MENJUAL KEPADA DUNIA,+ KATANYA.

MALAYSIA, SEMEMANGNYA MEMPUNYAI SISTEM EKONOMI YANG BERORIENTASIKAN EKSPORT, DAN MENURUT PERDANA MENTERI, HANYA KOMPOSISI BARANGAN TELAH BERUBAH MENGIKUT MASA, DARIPADA SEBAHAGIAN BESARNYA BAHAN-BAHAN MENTAH DUA DEKAD YANG LEPAS KEPADA EKSPORT PEMBUATAN, YANG KINI MERUPAKAN 54 PERATUS DARIPADA JUMLAH EKSPORT NEGARA.

SATU LAGI FAKTOR YANG PERLU DIBERI PERTIMBANGAN IALAH KEDUDUKAN MALAYSIA YANG STRATEGIK DI RANTAU ASEAN DAN JUGA DI RANTAU YANG MENGALAMI KADAR PERTUMBUHAN YANG PESAT DAN BANYAK POTENSI EKONOMI YANG BELUM DITEROKAI SEPENUHNYA, KATA BELIAU.

+ASEAN MEMPUNYAI KIRA-KIRA 310 JUTA PENDUDUK DENGAN ANGGARAN KELUARAN DALAM NEGARA KASAR LEBIH DARIPADA AS\$220,000 JUTA (KIRA-KIRA \$600,000 JUTA) DAN KADAR PERTUMBUHAN PURATA LIMA PERATUS SETAHUN.

+MALAYSIA TERLETAK DI TENGAH-TENGAH RANTAU ASEAN DAN KEDUDUKANNYA BUKAN SAHAJA BERKEMAMPUAN MEMBERI SUMBANGAN KEPADA ASEAN TETAPI JUGA KEPADA NEGARA-NEGARA DI PINGGIR PASIFIK,+ KATANYA.

-- LAGI

2144MST 13 09 90

DB62

U B736 AAB

MAHATHIR - JAMUAN 4 SEOUL 9 9 9

PELAN INDUK PERINDUSTRIAN MALAYSIA UNTUK 10 TAHUN BERAKHIR 1995, TELAH MENGENAL PASTI SEKTOR PEMBUATAN SEBAGAI JENTERA BAGI MALAYSIA UNTUK MENCAPAI DAN MENGEKALKAN PERTUMBUHAN EKONOMI YANG TINGGI.

+KOREA SEMEMANGNYA BIASA DENGAN STRATEGI INI DAN TELAH PUN BERJAYA. SAMA SEPERTI KOREA, MALAYSIA JUGA MENIKMATI KELEBIHAN DARIPADA SEGI KOS SEMASA IA MENGORAK KE ARAH PERINDUSTRIAN,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PERANAN UTAMA DALAM PENCAPAIAN OBJEKTIF PEMBANGUNAN NEGARA AKAN DISERAHKAN KEPADA SEKTOR SWASTA MANAKALA KERAJAAN AKAN MENUMPUKAN KEPADA PENYEDIAAN SUASANA PERNIAGAAN YANG SESUAI BAGI MENGGALAKKAN PENYERTAAN PELABUR TEMPATAN DAN LUAR NEGERI.

KARENA BIROKRASI TELAH DIKURANGKAN DAN SEBUAH JABATAN DI JABATAN PERDANA MENTERI TELAH DITUBUHKAN UNTUK MENGENDALIKAN ADUAN-ADUAN YANG TIDAK DAPAT DISELESAIKAN DI PERINGKAT BAWAH.

BELIAU BERKATA, SATU BIDANG YANG PELABUR KOREA BOLEH PERTIMBANGKAN IALAH INDUSTRI PELANCONGAN KERANA INDUSTRI ITU DI MALAYSIA MASIH BARU, DAN MENAMBAH KATA MELALUI KEMPEN TAHUN MELAWAT MALAYSIA, MENCAPAI PERTUMBUHAN 63 PERATUS DALAM TEMPOH TUJUH BULAN, PARA PELABUR MULA MENYEDARI INDUSTRI ITU MEMPUNYAI POTENSI DI MALAYSIA.

BELIAU JUGA BERKATA SATU LAGI BIDANG YANG BOLEH DITEROKAI IALAH SEKTOR JUALAN RUNCIT.

GEDUNG-GEDUNG TERNA MA JEPUN TELAH MENGADAKAN USAHASAMA DENGAN PELABUR MALAYSIA DAN TELAH BERJAYA MENJUAL BARANGAN DAN KELUARAN MEREKA DAN SEBETENGAHNYA MENDAPATKAN BAHAN-BAHAN DARI MALAYSIA UNTUK DIJUAL MELALUI RANGKAIAN MEREKA DI JEPUN DAN TEMPAT-TEMPAT LAIN. --